



## PETUNJUK NABI S.A.W DALAM MENDAPATKAN RAWATAN [PROPHETIC GUIDANCE IN SEEKING TREATMENT]

NURUL NAJDAH ZULKIPLI, HANA SOLEHAH HAKIMIESA & ROSMALIZAWATI AB RASHID<sup>1</sup>

<sup>1\*</sup> Pusat Pengajian Al-Quran dan Al-Sunnah, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, MALAYSIA.  
E-Mail: nurulnajdahzulkipli@gmail.com; soleahhakimi@gmail.com; rosma@unisza.edu.my

Corespondent Email: rosma@unisza.edu.my

---

Received: 1 October 2024

Accepted: 15 October 2024

Published: 13 November 2024

---

**Abstrak:** Antara perkara yang dituntut dalam Islam ialah merawat segala penyakit sama ada penyakit fizikal maupun rohani. Ia termasuk pelbagai cara untuk merawat menggunakan ubat-ubatan, tanaman herba, dan rawatan dengan doa daripada al-Quran dan al-Sunnah. Jika kita sedari bahawa terdapat penyakit yang disebabkan oleh gangguan makhluk halus iaitu jin dan iblis serta syaitan. Antaranya termasuk kes kerasukan, barah yang tidak biasa, dan sakit pada bahagian badan yang tidak dapat dikenal pasti oleh mana-mana doktor, hatta pakar perubatan moden yang paling canggih. Namun, ingatlah bahawa Allah S.W.T yang menjadikan penyakit dan Dialah yang menyediakan ubatnya. Setiap kejadian, termasuk penyakit, mempunyai *asbab* dan musabab yang berkaitan dengan rahsia Ilahi yang tidak dapat difahami atau difikirkan oleh manusia. Walau bagaimanapun, ramai orang belum mengenal pasti perubatan yang dicipta oleh Nabi Muhammad S.A.W dalam kehidupan sehari-hari mereka. Fokus utama kajian ini adalah untuk menjelaskan cara Rasulullah menangani penyakit fizikal dan rohani. Kami menggunakan metode kajian perpustakaan. Kaedah pengubatan Rasulullah S.A.W ini menggabungkan terapi spiritual dan terapi alamiah menggunakan herba atau bahan semula jadi. Penggunaan doa-doa daripada al-Quran dan ijтиhad Baginda S.A.W adalah antara asas rawatan, bersama-sama dengan penggunaan bahan-bahan yang halal dan tidak bertentangan dengan prinsip syariat. Konsep terapi Nabi Muhammad S.A.W juga termasuk konsep ikhtiar dan bersungguh-sungguh dalam mencari kesembuhan serta menjaga lima perkara asas syariat Islam. Rawatan Islam merupakan antara media dakwah yang sangat berkesan kepada pesakit dan keluarga mereka. Konsep terapi ini diharapkan menjadi panduan asas bagi setiap orang Islam dalam menangani penyakit fizikal dan rohani serta membantu masyarakat yang tertimpa musibah.

**Kata kunci:** penyakit, kaedah, al-Quran, Nabi Muhammad S.A.W, rawatan

**Abstract:** Among the things demanded in Islam is to treat all diseases, whether physical or spiritual. This includes various methods of treatment using medicines, herbs, and therapies through prayers from the Quran and Sunnah. If we realize that there are diseases caused by supernatural beings such as jinn, demons, and devils, these include possession, unusual illnesses, and ailments in parts of the body that doctors, even the most advanced medical specialists, cannot diagnose. However, remember that Allah SWT creates diseases and provides their cures. Every occurrence, including illness, has causes and reasons connected to divine mysteries beyond human comprehension or thought. Nevertheless, many people are not familiar with the remedies prescribed by Prophet Muhammad SAW in their daily lives.

The primary focus of this study is to explain how the Prophet handled physical and spiritual ailments. We employ a library research method. The healing methods of Prophet Muhammad SAW combine spiritual therapy and natural therapy using herbs or natural substances. The use of prayers from the Quran and the Prophet's SAW jurisprudence forms the basis of treatment, along with the use of lawful substances that do not contradict Sharia principles. The concept of therapy in the teachings of Prophet Muhammad SAW also includes the concept of striving earnestly for healing and adhering to the five basic principles of Islamic law. Islamic treatment serves as a highly effective means of religious outreach to patients and their families. It is hoped that this therapeutic concept will serve as a fundamental guide for every Muslim in dealing with physical and spiritual ailments and in assisting communities affected by calamities.

**Keywords:** disease, methods, Quran, Prophet Muhammad SAW, treatment

**Cite This Article:**

Nurul Najdah Zulkipli, Hana Solehah Hakimiesa & Rosmalizawati Ab Rashid. 2024. Petunjuk Nabi S.A.W dalam Mendapatkan Rawatan [Prophetic Guidance in Seeking Treatment]. *International Journal of Contemporary Education, Religious Studies and Humanities (JCERAH)*, 4(4), 1-9.

## PENGENALAN

Makhluk Allah S.W.T, iaitu manusia, tetap terdedah kepada penyakit. Syariat Islam menggalakkan rawatan penyakit fizikal atau rohani. Mendapatkan rawatan adalah penting kerana ia berkaitan dengan kesihatan badan manusia, yang membolehkan seseorang melaksanakan ibadah dan amalan harian dengan baik. Pengubatan fizikal dan rohani boleh dilakukan dengan menggunakan pelbagai ubat-ubatan, tanaman herba, bahan semula jadi, dan rawatan menggunakan doa daripada al-Quran dan al-Sunnah, serta rawatan moden. Menurut panduan Islam, menggunakan perkhidmatan perubatan yang sedia ada adalah sesuai dengan syariat Islam. Rasulullah S.A.W dan sahabatnya sentiasa mengambil rawatan apabila menghadapi suatu penyakit serta meyakini bahawa Allah S.W.T menurunkan sesuatu penyakit berserta dengan menurunkan penawarnya (Basri, 2004).

Penyakit yang dihadapi oleh manusia meliputi penyakit fizikal dan rohani. Penyakit fizikal merupakan penyakit yang berkaitan anggota fizik seseorang, nampak atau zahir pada badan fizikal serta boleh dirasai sakit pada tubuh badan seseorang seperti penyakit kulit, demam, selsema, barah, batuk, lumpuh dan sebagainya (Masruri, 2019). Penyakit rohani pula merupakan sejenis penyakit berkenaan rohani atau jiwa seseorang, tidak nampak pada fizikal seseorang. Antara penyakit rohani adalah sikap atau pernyataan keraguan terhadap wujudnya Allah S.W.T, keraguan kepada ajaran Islam, kerisauan, keresahan, kedukacitaan, kecenderungan untuk melakukan maksiat, kebencian kepada ulama', takbur, riak, sompong, hasad dengki, gangguan makhluk halus pada badan manusia, gangguan sihir, hysteria, gangguan berlaku pada rumah kediaman, kedai, sekolah, pejabat, jalan raya dan pada kenderaan (Haron Din, 2011 & Abdul Basir, 1999). Allah S.W.T menurunkan sesuatu penyakit berserta dengan menurunkan penawarnya (Basri, 2004). Perkara ini seperti mana dijelaskan dalam firman Allah dalam Surah al-Isra' ayat 82:

وَنَزَّلْ مِنَ الْقُرْآنَ مَا هُوَ شَفَاءٌ وَرَحْمَةٌ لِلْمُؤْمِنِينَ ۝ وَلَا يَزِيدُ الظَّالِمِينَ إِلَّا خَسَارًا

Dan kami turunkan dengan beransur-ansur dari al-Quran ayat-ayat suci yang menjadi ubat penawar dan rahmat bagi orang-orang yang beriman kepadanya; dan (sebaliknya) al-Quran tidak menambahkan orang-orang yang zalim melainkan kerugian jua.

Al-Quran merupakan kalam Allah S.W.T yang diturunkan selain sebagai sumber hukum Islam juga sebagai penyembuh dan rahmat bagi setiap orang yang beriman. Di dalam tafsir *Mafatih al-Ghayb* memberi pandangan bahawa seluruh ayat al-Quran merupakan penawar atau penyembuh bagi setiap orang mukmin daripada penyakit fizikal dan spiritual (al-Razi, 1981). Al-Quran sebagai rahmat bagi orang Islam dalam memenuhi keperluan hidup yang membawa maslahah serta menghindari keburukan di sebalik tujuan mulia yang dibawa Rasulullah S.A.W (al-Syatibi, 1997).

Keberkatan bacaan al-Quran sebagai penawar daripada segala jenis penyakit jasmani, rohani, penyakit gangguan jiwa atau mental. Ianya juga menyembuhkan sifat kebodohan dan ragu daripada hati seseorang. Al-Quran sebagai penyembuh penyakit zahir dengan kaedah *ruqyah, ta’awwuz* atau doa yang lain (Qurtubi, 2006). Al-Quran juga boleh merawat penyakit hati seperti penyakit waswas, sedih yang amat sangat, bimbang, ragu, hasad dan lainnya (Samih Atif, 1991).

Bacaan al-Quran merupakan antara mukjizat agung yang boleh menyembuhkan pelbagai penyakit jasmani dan rohani, bahkan boleh mengusir gangguan makhluk halus daripada golongan jin dan syaitan (Masruri, 2019). Rawatan menjaga kesihatan dan berubat daripada sebarang penyakit merupakan sebahagian daripada Sunnah Nabi S.A.W. tambahan pula, Rasulullah S.A.W merupakan pembawa risalah Islam telah memberi tunjuk ajar kepada umat Islam mengenai kaedah menjaga kesihatan dan merawat penyakit. Kaedah ini dikenal dengan istilah ilmu rawatan Nabi atau *al-Tibb al-Nabawi* (Ibn Qayyim, 2005).

Kaedah rawatan yang dilakukan Rasulullah S.A.W meliputi kaedah rawatan jasmani dan kaedah rawatan rohani atau *tibb al-qalb*. Pengubatan jasmani merupakan pengubatan secara fizikal yang bersifat semulajadi, manakala pengubatan hati ialah pengubatan dengan doa dan bacaan tertentu daripada al-Quran atau Sunnah atau disusun oleh para ulama yang ahli dalam bidang perubatan (Nurdeng & Hayati, 2011).

## BERUBAT MENURUT PANDANGAN ISLAM

Para ulama' berbeza pandangan mengenai hukum mengambil berubat dan mengambil rawatan. Di antara mereka ada yang berpendapat makruh, ada yang berpendapat sunat, dan ada juga yang mewajibkannya. Sebahagian ulama' menyatakan keharusan berubat (Masruri, 2019). Rasulullah S.A.W sentiasa mengambil rawatan apabila ditimpa suatu penyakit serta memerintahkan para sahabat dan umatnya untuk mengambil rawatan ketika mengalami suatu penyakit sama ada penyakit jasmani mahupun penyakit rohani (Basri, 2004). Rasulullah S.A.W bersabda:

تَدَافُرًا فَإِنَّ اللَّهَ لَمْ يَضْعِفْ دَاءً إِلَّا وَضَعَ لَهُ دَوَاءً إِلَّا وَاحِدًا الْهَرَمُ

Maksudnya: “Berubatlah wahai hamba-hamba Allah, sesungguhnya Allah tidak meletakkan penyakit, melainkan meletakkan untuknya ubat, kecuali satu penyakit, iaitu tua” (Riwayat Abu Daud, no: 3855). Hadith ini dinyatakan sahih oleh al-Albani.

Dalam hadith ini, baginda Rasulullah S.A.W menyuruh umatnya untuk berikhtiar dengan berubat dan mengambil rawatan ketika mengalami sakit sehingga ditemukan ubat penawar bagi penyakit tersebut. Setiap orang Islam digalakkan untuk mencari kesembuhan dengan pelbagai kaedah sehingga dijumpai penawar atau ubat yang sesuai bagi menyembuhkan penyakit tersebut dengan izin Allah S.W.T. Daripada Abu Hurairah R.A., bahawa Nabi S.A.W. bersabda:

مَا أَنْزَلَ اللَّهُ دَاءً إِلَّا أَنْزَلَ لَهُ شِفَاءً

Maksudnya: “Allah tidak menurunkan sesuatu penyakit melainkan diturunkan bersamanya penawar.” (Riwayat al-Bukhari, no: 5678).

Allah S.W.T adalah Tuhan Yang Maha Menyembuhkan setiap penyakit dan tidak menciptakan suatu penyakit melainkan diciptakan bersamanya sebab yang menjadikan wasilah bagi kesembuhan penyakit tersebut. Daripada Jabir R.A meriwayatkan dari Rasulullah S.A.W, bahawa baginda bersabda:

لِكُلِّ دَاءٍ دَوَاءٌ فَإِذَا أُصِيبَ دَوَاءُ الدَّاءِ بَرَأٌ بِإِذْنِ اللَّهِ عَزَّ وَجَلَّ

Maksudnya: “Setiap penyakit ada ubatnya, dan bila telah ditemukan dengan tepat ubat suatu penyakit, nescaya akan sembah dengan izin Allah Azza wa Jalla.” (Riwayat Muslim, no: 2204).

Allah S.W.T menurunkan penyakit dengan menurunkan ubatnya dan memberikan kemudahan dan pengetahuan kaedah merawat penyakit kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya sebagai perantara dalam menyembuhkan suatu penyakit (Muhammad bin Ali, 2015). Agama Islam sentiasa mengingatkan umatnya untuk menjaga kebersihan dan kesihatan fizikal serta spiritual (Abdul Basir, 1999).

Kesihatan merupakan antara wasilah bagi melaksanakan ibadah dengan baik dan sempurna. Rawatan terhadap sesuatu penyakit yang menimpa seseorang merupakan keperluan suatu keperluan yang amat penting (Basri, 2004). Oleh yang demikian, Islam sangat menggalakkan umatnya menjaga kesihatan jasmani dan rohani (Ali Yusuf, 1992). Berubat merupakan sebagai bentuk ikhtiar seorang hamba dalam menghadapi cubaan serta dugaan daripada Tuhan Penciptanya. Ikhtiar dan bersungguh-sungguh dalam mencari kesembuhan amat disukai oleh agama (Abdul Aziz, 2012).

Berdasarkan kepada realiti masa kini yang terdapat pelbagai macam penyakit yang amat merbahaya dan amat sukar dijumpai penawarnya, keperluan mengambil rawatan adalah sangat mustahak bagi mendapatkan kesembuhan (Basri, 2004). Berdasarkan kepada penjelasan hadith Nabi S.A.W serta ijtihad dan pandangan pakar perubatan Islam maka hukum berubat daripada sebarang penyakit adalah harus. Namun apabila penyakit tersebut boleh membawa kepada terganggunya ibadah maka ianya boleh menjadi sunat. Apabila penyakit tersebut adalah sejenis penyakit berjangkit yang merbahaya maka adalah suatu kewajipan untuk berubat dan mencari kesembuhan daripada penyakit tersebut. Para ulama' telah bersepakat bahawa menuntut ilmu perubatan merupakan fardhu kifayah dan suatu tanggungjawab bagi setiap orang Islam (Amran Kasimin & Haron Din, 1987). Manakala mengamalkan kaedah rawatan berpandukan kepada al-Quran dan al-Sunnah merupakan suatu kewajipan bagi sesiapa yang telah menguasainya kerana ia sangat membantu melapangkan orang yang terkena kesusahan, kesempitan dalam hidupnya atau menolong orang yang dizalimi makhluk halus (Usamah Muhammad, 2004).

## KONSEP RAWATAN ISLAM

Daripada Alis Awasi (2021), menurut Profesor Dato' Dr Abu Bakar Abdul Majeed, Rektor Universiti Teknologi Mara (UiTM) Selangor, yang dipetik dari buku berjudul 40 Soal Jawab Pengubatan Islam, perubatan Islam merupakan satu bidang atau amalan yang berasaskan ilmu sains perubatan yang mana di dalamnya terkandung paradigma, konsep, nilai dan tatacara yang tidak bercanggah dengan al-Quran dan hadith. Perubatan Islam tidak dibataskan pada satu rawatan yang tertentu sahaja, sebaliknya segala jenis rawatan yang melibatkan akar kayu, ubatan moden, pembedahan, psikologi dan meta fizik tergolong dengan konsep perubatan Islam. Dengan demikian, beliau mengambil kesimpulan bahawa perubatan Islam adalah sebuah sistem perubatan yang komprehensif dan mencakupi pelbagai jenis pengubatan termasuk dalam mengubati penyakit-penyakit misteri. Amalan perubatan ini boleh dilakukan menurut syariah selagi tidak bertentangan dengan prinsip-prinsip asas Islam dan berasaskan konsep tauhid. Allah S.W.T menurunkan sesuatu penyakit berserta dengan menurunkan penawarnya. Perkara ini dijelaskan dalam firman Allah:

وَنُنَزِّلُ مِنَ الْقُرْءَانِ مَا هُوَ شَفَاءٌ وَرَحْمَةٌ لِلْمُؤْمِنِينَ ۝ وَلَا يَزِيدُ الظَّالِمِينَ إِلَّا خَسَارًا

Dan kami turunkan dengan beransur-ansur dari al-Quran, ayat-ayat suci yang menjadi ubat penawar dan rahmat bagi orang-orang yang beriman kepadanya; dan (sebaliknya) al-Quran tidak menambahkan orang-orang yang zalim (disebabkan keingkaran mereka) melainkan kerugian juga. Surah al-Isra':82

Al-Quran merupakan kalam Allah S.W.T yang diturunkan selain sebagai sumber hukum Islam, juga sebagai penyembuh dan rahmat bagi setiap orang yang beriman (Faisal Husen Ismail et al, 2021). Selain itu, al-Quran dan hadith juga menganjurkan kehidupan dengan mengamalkan pemakanan yang sihat serta malarang sesuatu yang boleh membawa kebinasaan kepada tubuh badan. Al-Quran dan hadith bukanlah suatu konsep yang khusus dan tertentu

kepada satu aspek sahaja tetapi perubatan Islam juga termasuk dalam konteks wahyu yang diturunkan oleh malaikat Jibrail A.S kepada Nabi Muhammad S.A.W.

Nabi S.A.W menyebut perubatan dan jenis ubat secara umum, tanpa menghadkannya. Maka, setiap orang hendaklah berusaha mencari ubat yang paling berkesan untuk dirinya. Dalam hadis yang sahih Nabi S.A.W bersabda:

تَذَاقُوا عِبَادَ اللَّهِ، قَائِمَ اللَّهَ، سُبْحَانَهُ، لَمْ يَضْعُ دَاءً، إِلَّا وَضَعَ مَعْهُ شِفَاءً، إِلَّا أَنْهَرَمْ

“Berubatlah wahai hamba-hamba Allah, sesungguhnya Allah S.W.T tidak menciptakan suatu penyakit tanpa menciptakan penawar dengannya, kecuali pada usia tua.” (Riwayat Ibn Majah, no: 3436).

Hadith ini dinyatakan sahih oleh al-Albani. Juga sabda baginda:

لِكُلِّ دَاءٍ دَوَاءٌ فَإِذَا أُصِيبَ دَوَاءُ الدَّاءِ بَرَأٌ بِإِذْنِ اللَّهِ عَزَّ وَجَلَّ

“Bagi setiap penyakit ada ubatnya. Apabila betul ubatnya, maka sembuhlah dengan izin Allah.” (Riwayat Muslim, no: 2204).

Rawatan yang benar menurut Islam adalah kebiasaannya dengan menggunakan ayat al-Quran atau menyebut nama Allah. Imam as-Syafie pernah ditanya tentang hukum berjampi dan beliau berkata: “Tidak mengapa berjampi dengan Kitab Allah SWT dengan sesuatu yang diketahui dengan zikrullah.” (Sharhan Shafie & Fakhru Ridzha Abd. Rahman, 2010). Menurut Ustaz Rohami bin Yon, pengasas Pusat Rawatan Ar-Raudah menyatakan bahawa penggunaan doa merupakan asas yang utama dalam perubatan Islam. Kebiasaannya *ruqyah* dan doa akan dibacakan oleh perawat kepada pesakit yang disertakan dengan bahan rawatan. Selepas tamat sesi rawatan, pesakit diminta untuk mengamalkan *ruqyah*, zikir serta doa untuk membantu mempercepatkan proses penyembuhan dengan izin Allah (Alis Awasi,2021). Penggunaan herba juga adalah tidak asing di dalam perubatan Islam. Diantara tumbuhan herba yang digunakan ialah daun bidara, habbatus sauda, saffron, serai, limau purut, minyak ecalyptus, minyak kelapa dara, minyak halia, ekstrak pudina, kurma ajwa dan halia bara. Manakala air zam-zam, air kolah masjid, garam kasar dan bekam *hijamah* adalah diantara bahan-bahan bukan herba yang juga boleh digunakan. Sesetengah daripada penggunaan herba ini adalah bersumberkan sunnah manakala selebihnya daripada pengalaman perawat-perawat sendiri. Akan tetapi perlulah juga berhati-hati dalam mengamalkan perubatan Islam oleh orang yang tidak diketahui akan kebenaran cara perubatannya. Salah satu cara yang boleh dikenal pasti itu adalah cara perubatan yang diragukan. Sebagai contoh, apabila pesakit diminta memberikan nama ibu, perawat mengaku boleh melihat alam ghaib atau meramal masa depan, menggunakan simbol-simbol atau tulisan yang tidak dikenali bukan dari Al-Quran atau hadith dan pelbagai cara lain lagi (Noraida,2021). Walaubagaimanapun, dewasa ini didapati terdapat banyak ajaran dan amalan yang bercanggah dengan akidah dan syariat Islam. Kebanyakan amalan-amalan ini yang tidak berasaskan sumber al-Quran atau hadith, mahupun amalan-amalan yang mana asalnya adalah dari sumber yang sahih, tetapi telah disalah tafsirkan oleh golongan tertentu, perlulah ditolak.

## PENDEKATAN DAN KAEADAH NABI DALAM RAWATAN

Nabi S.A.W menganjurkan untuk kita berubat. Hukum mendapatkan rawatan adalah wajib sekiranya apabila meninggalkannya (rawatan) boleh membawa kepada kematian atau kehilangan anggota tubuh atau lemahnya tubuh badan, atau sekiranya ditimpa penyakit yang boleh berpindah kepada orang lain seperti penyakit yang berjangkit (Mardia Mazri, 2020).

Sejarah merakamkan bahawa Rasulullah S.A.W pernah disihir oleh seorang Yahudi di Madinah. Maklumat mengenai penyihiran ini didedahkan sendiri oleh Malaikat yang diutuskan oleh Allah S.W.T bagi merawat Rasulullah S.A.W dari sihir tersebut. Imam al-Bukhari telah meriwayatkan di dalam Kitab Sahihnya dari Sayyidatina 'Aisyah R.A., katanya: Rasulullah S.A.W telah disihir oleh seorang Yahudi dari Bani Zurayq iaitu Labid bin al-A'sam sehingga terbayang kepada Rasulullah S.A.W khayalan bahawa baginda melakukan sesuatu yang tidak dilakukannya. Hal ini berterusan sehinggalah pada satu hari, baginda S.A.W berada di sampingku (Aisyah) di dalam keadaan berdoa dan terus berdoa. Kemudian Baginda bersabda: "Wahai 'Aisyah, aku mengetahui bahawa Allah S.W.T telah memperkenankan permohonanku. Dua orang lelaki (Jibrail dan Mikail) telah datang kepadaku. Jibrail berada di kepalaku dan Mikail di kakiku. Mikail bertanya kepada Jibrail: "Apakah penyakit lelaki ini?" Kata Jibril: "Dia telah disihir". "Siapakah yang menyihirnya?" Jawab Jibrail: "Labid al-A'sam". Mikail menyambung pula: "Sihir itu dibuat menerusi apa?" Jibrail menjelaskan: "Dibuat pada sikat rambut yang dililit rambut padanya, juga pada batang tamar jantan kering berserta seludangnya". Mikail bertanya lagi: "Di manakah terletaknya barang-barang tersebut?". Jibril berkata: "Di dalam telaga Arwan." Setelah mendengar perbualan itu, Rasulullah S.A.W pun pergi bersama-sama beberapa orang sahabatnya ke telaga tersebut. Kemudian apabila Rasulullah S.A.W pulang, baginda bersabda kepada 'Aisyah: "Wahai Aisyah! Airnya seakan rendaman inai dan mayang tamar itu seakan-akan kepala syaitan." Kemudian telaga Arwan yang terdapat di dalamnya barang-barang sihir tersebut dikambus atas perintah Rasulullah S.A.W. Peristiwa ini menjelaskan bahawa Rasulullah S.A.W harus terkena sihir, sebagaimana harusnya Rasulullah S.A.W demam dan seumpamanya. Cuma kesan yang dihadapi oleh Rasulullah S.A.W tidak sepertimana yang dihadapi oleh umatnya. Ini adalah kerana sifatnya sebagai seorang nabi dan rasul yang terpelihara dari angkara kejahanan jin dan manusia (Aizan Ali & Mohd Yakub Mohd Yusoff, 2003).

Merujuk pada Khadher Ahmad & Ishak Sulaiman (2011) pendekatan dan kaedah rawatan sihir yang dilakukan oleh Nabi S.A.W ada tujuh kaedah utama, iaitu:

- a. Mengenal pasti tempat barang sihir disembunyikan.
- b. Mengeluarkan bahan sihir dan membatalkannya.
- c. Menanam dan memusnahkan bahan sihir.
- d. *Ruqyah* ke atas mangsa sihir.
- e. Memberi minum air *ruqyah*.
- f. Mandi.
- g. Tepukan (menepuk-nepuk tubuh pesakit menggunakan tapak tangan).

Amalan sihir juga bukanlah sesuatu perkara yang baharu. Ibn Manzur menyebut di dalam *Lisan al-Arab* bahawa yang dimaksudkan dengan sihir itu adalah amalan yang dengannya mendekatkan diri kepada syaitan dengan bantuan darinya.

Islam menolak amalan sihir dan mengajar orang Islam untuk meminta perlindungan dengan Allah S.W.T. Hadis Rasulullah S.A.W juga jelas menyenaraikan amalan sihir sebagai salah satu dosa besar. Daripada Abu Hurairah R.A, Rasulullah S.A.W bersabda:

اْجِتَبُوا السَّيْئَةَ الْمُوْبِقَاتِ، قَالُوا: يَا رَسُولَ اللَّهِ وَمَا هُنَّ؟ قَالَ: الشَّرْكُ بِاللَّهِ، وَالسِّحْرُ، وَقَتْلُ النَّفْسِ الَّتِي حَرَّمَ اللَّهُ إِلَّا بِالْحَقِّ، وَأَكْلُ الرِّبَا، وَأَكْلُ مَالَ الْيَتَيمِ، وَالثَّوْلَى بِنْمَةِ الرَّخْفِ، وَقَدْفُ الْمُخْصَنَاتِ الْمُؤْمِنَاتِ الْغَافِلَاتِ

Maksudnya: “Jauhilah tujuh jenis dosa besar yang membinasakan. Sahabat bertanya: Wahai Pesuruh Allah? Apakah dosa-dosa itu? Sabda Baginda: Menyekutukan Allah, sihir, membunuh jiwa yang diharamkan melainkan dengan alasan yang benar, makan riba, makan harta anak yatim, lari daripada perang dan menuduh wanita *muhsan* beriman yang tidak bersalah dengan tuduhan zina.” (hadis riwayat Bukhari, no: 2766).

## KESIMPULAN

Hukum mendapatkan rawatan adalah amat dituntut oleh agama kerana ia selari dengan salah satu daripada maqasid syariah iaitu menjaga nyawa. Ia juga tidak menolak konsep tawakal itu kerana ianya adalah salah satu ikhtiar untuk mencari kesembuhan melalui jalan yang dibenarkan di sisi syarak. Walau bagaimanapun, hendaklah seseorang meyakini bahawa ubat dan rawatan itu adalah suatu ikhtiar semata-semata tetapi yang menyembuhkan segala penyakit adalah daripada Allah S.W.T.

Rawatan Islam adalah rawatan yang bersumber daripada al-Quran dan al-Sunnah sebagai asasnya. Dalam merawat penyakit, Rasulullah S.A.W menggunakan beberapa konsep yang bertujuan bagi menjadikan rawatan yang dilakukan bersesuaian dengan prinsip syariat Islam yang mengedepankan kepada kesejahteraan umatnya. Konsep Baginda S.A.W ini merupakan panduan yang sangat berguna bagi umat Islam dalam memahami rawatan Islam.

Disarankan juga kepada masyarakat agar bijak dalam menilai serta memenuhi lunas-lunas syara' dalam mencari kesembuhan. Ini tidak lain agar dapat melalui ujian Allah S.W.T berupa penyakit dan musibah dengan baik. Biarlah kesembuhan itu datangnya dari redha Allah S.W.T dan bukannya dari jalan yang dimurkai oleh Allah atau pertolongan jin dan syaitan. Tidak boleh sama sekali berubat dengan perkara yang meragukan. Apatah lagi cuba dirawat oleh jin. Jika ditanya mana-mana pesakit di pusat rawatan alternatif Islam, nescaya tidak akan ada seorang pesakit pun yang suka dirawat oleh jin.

## **RUJUKAN**

- Abdul Basir Mohamed (1999). *Amalan Sihir dan Ayat-Ayat Al-Quran Perbezaannya serta Kesannya Terhadap Amalan Perubatan*. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Alis Awasi (2021). *Perubatan Islam sebagai Alternatif Merawat Pesakit*. Tempat terbit: Penerbit.
- Kementerian Kesihatan Malaysia (2011). *Garis Panduan Amalan Pengubatan Islam*. Penerbit Bahagian Perubatan Tradisional dan Kontemporari.
- Amran Kasimin & Haron Din (1987). *Rawatan Pesakit Menurut al-Quran dan al-Sunnah*. Kuala Lumpur: Percetakan Watan.
- Basri Ibrahim. (2004). *Rawatan dalam Islam*. Johor: Perniagaan Jahabersa.
- Mohd Asri Zainul Abidin. (2020). *Perubatan Islam: Istilah Yang Disalahgunakan*. Perlis: Jabatan Mufti Negeri Perlis. (1 Jun 2024).
- Faisal Husen Ismail, Arwansyah Kirin, Abd Shakor Borham, Muhammad Misbah, Mohd Hisyam Abdul Rahim (2021). Konsep Terapi Nabi SAW sebagai Alternatif dalam Menangani Penyakit Fizikal dan Spiritual. *Al-Hikmah International Journal of Islamic Studies and Human Sciences*. Vol 4 & Isu 1.
- Fakhr al-Din, Muhammad bin 'Umar al-Razi (1981). *Tafsir Mafatih al-Ghayb*. Dar al-Fikr, Beirut.
- Mardia Mazri (2020). *Bayan Linnas siri ke-226: Hukum Enggan Mendapatkan Rawatan atau Menjalani Pembedahan*. Wilayah Persekutuan: Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. (1 Jun 2024).
- Ali, Muhammad (2015). *Bahr al-Muhit al-Thajjaj Sharh Sahih Muslim*. Riyad: Dar Ibn al-Jawzi.
- Muhammad Masruri (2019). *Rawatan Gangguan Makhluk Halus dan Sihir Menurut Perspektif al-Sunnah*. Bangi: Penerbit UKM.
- Muhammad Mushfique Ahmad Ayoup (2019). *Irsyad Al-Hadith Siri Ke-389: Hadith Penyakit Bersama Penawar*. Wilayah Persekutuan: Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. (1 Jun 2024).
- al-Razi, Fahr (1981). *Tafsir al-Fahr al-Razi al-Mustahir bi al-Tafsir al-Kabir wa Mafatih al-Ghaib*. Bayrut: Dar Fikr.
- Sharhan Shafie & Fakhrul Ridzha Abd Rahman (2010). *Perubatan Islam Menangkis Kejahatan Makhluk Halus*. Sungai Besi, Kuala Lumpur.
- al-Shatibi, Abu Ishaq Ibrahim Bin Musa (1997). *Al-Muwafaqat Fi Usul Al-Shari'ah*. Beirut: Dar Al-Ma'rifah.
- Umar Mukhtar Mohd Noor (2016). *Al-Kafi 253: Pendirian Islam Berkenaan Sihir*. Wilayah Persekutuan: Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. (1 Jun 2024).